

RM2.04b disedia bendung jenayah

Berita Harian 11/06/2010 M/S B7

Agensi kerajaan, swasta serta masyarakat perlu pupuk semangat kesukarelawanan

PENDEKATAN baru akan dilaksana dalam sistem keadilan jenayah yang menekankan pembabitian semua pihak meliputi agensi kerajaan di peringkat Persekutuan dan Negeri, sektor swasta dan warga negara melalui program memupuk semangat kesukarelawanan.

Bagi tujuan itu, sejumlah RM2.04 bilion akan diperuntukkan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10).

Lima petunjuk prestasi utama berkaitan jenayah telah dikenal pasti sebagai sebahagian daripada Program Transformasi Kerajaan (GTP) iaitu:

- Mengurang keseluruhan jenayah Indeks sekurang-kurangnya lima peratus pada 2010;

- Mengurang jenayah jalaran sekurang-kurangnya 20 peratus menjelang Disember 2010;

- Meningkatkan rasa selamat;

- Membawa 2,000 kes tambahan jenayah kekerasan ke muka pengadilan;

- Meningkatkan tahap kepuasan terhadap perkhidmatan polis.

Sejak pelancaran GTP, beberapa kemajuan yang signifikan dicapai seperti jenayah jalaran berkurangan sebanyak 39.6 peratus bagi suku pertama 2010 berbanding tempoh sama 2009; keseluruhan jenayah indeks berkurangan 15.1 peratus bagi suku pertama 2010 berbanding tempoh sama tahun 2009.

Ini bersamaan dengan pengurangan 7,979 kes jenayah yang dilaporkan.

Kerajaan bertekad mengurangkan keseluruhan jenayah indeks sekurang-kurangnya pada kadar purata lima peratus setahun bagi tempoh Januari 2010 sehingga Disember 2015.

Pencapaian matlamat ini

bermakna pengurangan jenayah keseluruhan melebihi 25 peratus menjelang akhir tempoh rancangan.

Kehadiran polis akan dipertingkatkan, khususnya di kawasan sering berlaku jenayah melalui inisiatif kesukarelawanan baru.

Sehingga kini, tambahan 3,150 polis sukarela telah digerakkan daripada Ikatan Relawan Rakyat Malaysia serta Jabatan Pertahanan Awam dan bagi matlamat jangka sederhana, bilangannya akan ditambah kepada sekurang-kurangnya 5,000 orang menjelang 2015.

Kebajikan anggota polis akan dipertingkatkan dengan menaik taraf balai polis dan kuarters serta menambah baik prospek kerjaya sebagai motivasi untuk meningkatkan prestasi dan kerajaan akan mengagihkan sebanyak RM2.4 bilion sepanjang rancangan untuk tujuan ini.

Pendekatan baru akan di-



ORANG awam perlu berganding bahu dengan agensi penguat kuasa bagi membendung jenayah.

ambil termasuk meningkatkan keberkesanan program pemulihan dadah.

Langkah ini dijangka memberi kesan ke atas kadar jenayah dan dalam jangka panjang mengurangkan jenayah

berulang secara signifikan terutama jenayah harta benda.

Aktiviti kesukarelawanan terus digalakkan melalui pelbagai inisiatif antaranya Skim Rondaan Sukarela yang menjadi aktiviti kema-

syarakatan di bawah program Rukun Tetangga dengan penyertaan penduduk setempat dalam aktiviti rondaan di kawasan kejiranan. Inisiatif ini akan disediakan peruntukan sebanyak RM120 juta.